

Gadai nyawa untuk Palestin

Pembunuhan
Rachel Corrie
bukti terbaik
kekejaman
Zionis terhadap
orang awam

*Harian metro 11/06/2010
M/S V 12*

>>Susunan Fairul Asmaini
Mohd Pilus
asmaini@nstp.com.my

PADA 16 Mac tujuh tahun lalu, masyarakat dunia dikejutkan dengan pembunuhan kejam, aktivis kemanusiaan warga Amerika Syarikat, Rachel Aliene Corrie, yang dihempap jengkaut Israel ketika cuba menghalang rumah orang awam dirobohkan di Nablus.

Sebelum kematiannya, anak kebanggaan pasangan Craig Corrie, seorang eksekutif insurans dan isterinya Cindy, suka-relawan sekolah di Olympia, Washington itu memang tidak dikenali tetapi selepas tragedi itu, seluruh dunia mengagumi apa yang diperjuangkan gadis berusia 23 tahun berkenaan.

Rachel bukanlah aktivis pelampau daripada pertubuhan radikal sebaliknya dia hanyalah ahli Pergerakan Keadilan dan Keamanan Olympia sebelum menyertai pelbagai kempen berkaitan aspek keamanan serta isu alam sekitar.

drastik bercuti daripada pembelajarannya di Kolej Evergreen untuk menyertai bantahan kemanusiaan di Rafah, Palestin.

Menyifatkan kejadian itu sebagai tidak berperikemanusiaan, rakan aktivis ISM Rachel, Joe Carr berkata, ketika kejadian dia berada tidak jauh dari Rachel dan nampak jelas bagaimana jengkaut D9 (bernomor siri 949623) itu menghempap tubuh gadis berkenaan.

Sebelum kejadian, dia dan rakan, Tom Dale, melihat Rachel melutut di depan jengkaut yang dipandu pemuda Russia yang berhijrah ke Israel dan ketika itu jaraknya 15 meter.

nahkan rumah orang awam kerana ketika itu, dia memakai jaket oren terang dan mustahil pemandu jengkaut itu tidak melihatnya.

"Pemandu itu terus memandu ke depan dan mengorek tanah berhampiran Rachel yang menyebabkan dia terjatuh.

"Dia cuba menyelamatkan diri tetapi jengkaut itu terus bergerak ke depan sebelum undur dan bergerak ke depan lagi.

"Selepas jengkaut itu berundur, saya dan rakan menemui Rachel di bawah runtuhan berkenaan dan ketika itu keadaannya amat parah dan darah tidak henti-henti keluar daripada hidungnya.



disaksikan itu sebagai pemusnahan terancang terhadap kemudahan rakyat untuk hidup.

"Kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa kekurangan bekalan makanan dan perubatan yang tidak mencukupi.

"Lebih teruk, kadang-kadang saya berasakan mesin pembunuh itu sedang memerhatikan kami meskipun ketika itu kami sedang menikmati makan malam.

"Mereka ada di mana-mana dan bila-bila masa boleh mengedemokan sesuatu lokasi dari jarak jauh," katanya dalam video yang boleh disaksikan secara meluas di laman web YouTube itu.

Untuk berkongsi kepada

Dengan semangat itu juga Rachel menyertai Pergerakan Solidariti Antarabangsa (ISM) dan mengambil keputusan

Carr nampak jelas bagaimana Rachel merayu pemandu jengkaut berkenaan supaya berundur daripada memus-

“Saya mendengar dia merintih mengenai belakangnya yang patah dan tidak lama kemudian matanya terpejam,” katanya

RACHEL...mempertaruhkan hidupnya untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin.



TIDAK BERNYAWA...Rachel meninggal dunia sebelum sempat pihak perubatan Palestin cuba menyelamatkan nyawanya.



PROTES...demonstrasi menuntut keadilan untuk Rachel diadakan di seluruh dunia.

yang menganggap kematian Rachel sebagai bukti terbaik kekejaman Zionis kepada penduduk awam.

Ibunya memberitahu, sepanjang berada di Gaza, anak kesayangannya itu kerap menghantar e-mel menceritakan keadaan di sana untuk pengetahuan keluarganya.

Kata Cindy, Rachel memberitahu mereka mengenai kesengsaraan rakyat Palestin yang setiap hari berdepan kezaliman rejim Zionis yang tidak berperikemanusiaan.

“Rachel begitu simpati dengan nasib rakyat Palestin yang setiap hari bertarung nyawa untuk meneruskan kehidupan.

“Israel menyerang rakyat Palestin tidak kira waktu dan tanpa perasaan belas kasihan meskipun terhadap kanak-kanak dan wanita.

“Ia mendorong saya memintanya menghentikan semua itu dan pulang ke pangkuan keluarga tetapi seperti yang dijangka, dia tetap enggan dan mahu meneruskan perjuangan.

“Biarpun kami sekeluarga amat sedih dengan kematiannya, apabila mengenangkan perjuangan yang dilakukan, kami gembira kerana pengorbanan dan jasa Rachel membuka mata dunia mengenai kezaliman Israel,” katanya yang kini turut aktif memperjuangkan nasib rakyat Palestin bersama ahli keluarganya.

Beberapa hari sebelum kejadian, Rachel dalam temubual dengan stesen penyiaran Timur Tengah, menganggap apa yang

jumlahnya keadaannya di Palestin mengikut pandangan Rachel, Cindy turut membenarkan kandungan e-mel yang dihantar itu disiarkan The Guardian pada 18 Mac 2003.

Kandungan e-mel berkenaan turut diselitkan di dalam sebuah buku memorial yang bertajuk Let Me Stand Alone, terbitan syarikat W W Norton bersama pelbagai lagi tulisan aktivis berkenaan.

Profesor Universiti Yale, David Bromwich, berkata Rachel meninggalkan banyak tulisan yang mempunyai maksud mendalam untuk dijadikan kajian.

“Daripada tulisannya, saya dapati Rachel benar-benar mengkaji kaedah penentangan yang digunakan tokoh keamanan dunia, Mahatma Gandhi dan Martin Luther dengan sempurna.

“Dia memilih menentang tanpa menggunakan kekerasan dan pengorbanannya itu sehingga kini diingati penduduk Palestin,” katanya.

Tidak lama selepas kematiannya, ribuan poster dan grafiti yang memuji keberaniannya ditampal sekitar Rafah dan kebanyakannya tertulis perkataan ‘Rachel adalah warga Amerika tetapi mempunyai darah Palestin’.

Setiap tahun pada 16 Mac, masyarakat dunia berkumpul secara aman untuk memperingati pengorbanan Rachel. Kini, biarpun sudah lebih tujuh tahun berlalu, rakyat Palestin masih mengingati jasa gadis berkenaan yang sanggup terbang ribuan kilometer ke Gaza semata-mata untuk membantu mempertahankan tanah air mereka daripada kezaliman Israel.